Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

65 Pengenalan
65 Perkembangan dalam Pengawalseliaan
69 *Rencana: Pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans*
75 Penilaian Penyeliaan
78 Keutamaan dalam Melangkah Ke Hadapan

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

PENGENALAN

Bank Negara Malaysia meneruskan tumpuan usahanya terhadap memperkukuh asas-asas rangka kerja pengawalan kehematan yang mantap pada tahun 2008. Meskipun keadaan pasaran amat tidak menentu dan berlaku kegawatan kewangan global, sektor kewangan Malaysia terus berdaya tahan. Ini disokong oleh kekukuhan dasar sistem kewangan yang terbina melalui reformasi pengawalseliaan menyeluruh yang dilaksanakan dalam tahun-tahun selepas krisis kewangan Asia pada tahun 1997, dan penyeliaan ketat institusi kewangan yang berterusan. Keseimbangan yang sesuai antara pengawalan berasaskan prinsip dan berasaskan peraturan yang menjadi ciri rangka kerja pengawalan kehematan turut merangsang pertumbuhan secara teratur bagi pelbagai komponen sektor kewangan domestik. Berlatarkan kegawatan kewangan global semasa, keseimbangan ini ternyata amat kritikal bagi memastikan inovasi kewangan tidak melangkaui keupayaan sistem kewangan domestik untuk menguruskan risiko berkaitan. Sambil mengekalkan keseimbangan ini, penambahbaikan rangka kerja pengawalan akan terus dipergiatkan sejajar dengan perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa.

Sektor kewangan Malaysia terus berdaya tahan, disokong oleh kekukuhan dasar sistem kewangan yang terbina melalui reformasi pengawalseliaan menyeluruh dan penyeliaan ketat institusi kewangan yang berterusan

Sepanjang tahun 2008, aktiviti penyeliaan Bank bersifat responsif terhadap perkembangan yang berlaku di peringkat global. Sumber penyeliaan Bank berada dalam keadaan sentiasa berwaspada dengan persekitaran luaran yang terus merosot. Perhatian lebih tertumpu pada penilaian risiko yang lebih fokus dan ujian ketahanan, baik di tahap mikro mahupun makro, untuk mengesan kelemahan sektor kewangan terhadap kejutan selanjutnya. Ini menyokong pandangan ke depan sektor kewangan dan membolehkan Bank mengambil langkah awalan untuk memastikan institusi kewangan mempunyai pelan yang berkesan, termasuk pelan modal, untuk menangani sebarang kejutan yang mungkin timbul.

PERKEMBANGAN DALAM PENGAWALSELIAAN

Sektor kewangan domestik yang kekal stabil pada tahun 2008 membolehkan kemajuan selanjutnya dicapai dalam usaha berterusan untuk memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan. Usaha ini sebahagian besarnya tertumpu ke arah mengemaskini dan memperkukuh peraturan sedia ada memandangkan persekitaran pasaran yang berubah, menjajarkan piawaian kehematan dengan amalan terbaik antarabangsa, dan menyatukan rangka kerja pengawalseliaan merentas aktiviti dan sektor kewangan.

Namun, bentuk dan skala krisis kewangan global yang belum pernah dialami sebelum ini banyak menguji kecukupan dan kekukuhan rangka kerja kehematan seluruh dunia. Di Malaysia, satu rangka kerja pengawalseliaan yang mantap telah tersedia, khususnya berhubung dengan kecukupan modal, pengurusan risiko mudah tunai, pengenalan produk kewangan baharu dan aktiviti bank pelaburan. Ini menyumbang kepada usaha mengelakkan masalah yang menjadi punca krisis kewangan. Rangka kerja ini mencerminkan komitmen Bank menuju ke arah penyahkawalseliaan progresif secara beransur-ansur, dengan peraturan berbentuk preskriptif dan penyeliaan yang lebih aktif dikekalkan mengikut kesesuaian, seiring dengan penilaian Bank tentang kemampuan institusi dan sistem kewangan secara keseluruhan untuk menguruskan dan mengurangkan risiko.

Pada tahun 2008, penekanan inisiatif pengawalseliaan terus tertumpu ke arah meningkatkan kemantapan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko, dan pelaksanaan rejim kecukupan modal yang lebih teguh merentas sektor utama dalam industri perkhidmatan

kewangan. Pelaksanaan Basel II bagi institusi perbankan pada tahun 2008 dan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) bagi penanggung insurans pada tahun 2009 merupakan pencapaian penting dalam meletakkan teras sektor kewangan di landasan yang lebih kukuh. Rangka kerja kehematan turut lebih diselaraskan dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards, IFRS) susulan semakan semula piawaian penilaian yang diterima pakai untuk syarikat insurans. Akta Bank Negara Malaysia yang dicadangkan akan memperkukuh lagi asas untuk kestabilan kehematan mikro dan makro.

Penekanan inisiatif pengawalseliaan terus tertumpu ke arah meningkatkan kemantapan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko, dan pelaksanaan rejim kecukupan modal yang lebih teguh merentas sektor utama dalam industri perkhidmatan kewangan

Perenggan-perenggan berikut menghuraikan perkembangan utama rangka kerja pengawalseliaan kehematan pada tahun 2008.

Kecukupan modal

Basel II dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Capital Adequacy Framework for Islamic Banks, CAFIB) dilaksanakan dengan lancar pada 1 Januari 2008. Komponen utama Basel II dan CAFIB dihuraikan dalam Jadual 3.1. Rangka Kerja Basel II yang diterima pakai di Malaysia adalah sejajar dengan rangka kerja yang dihasilkan oleh Basel Committee on Banking Supervision (Basel Committee), dengan peraturan yang membenarkan budi bicara negara diambil, dilaksanakan yang mana bersesuaian, berdasarkan pertimbangan berhemat agar mencerminkan keadaan domestik. Sebanyak 43 institusi perbankan telah memilih untuk menerima pakai Pendekatan *Standardised* (Standardised Approach) dalam menentukan keperluan modal pengawalseliaan. Baki 13 institusi perbankan yang diberikan kelulusan untuk menerima pakai Pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) bagi risiko kredit, dibenarkan terus menggunakan rejim Basel I dalam mematuhi keperluan modal pengawalseliaan sehingga akhir tahun 2009 untuk mengurangkan kos pelaksanaan berkaitan dengan peralihan kepada rejim Basel II.

Jadual 3.1
Basel II dan CAFIB: Pendekatan Sedia Ada bagi Nisbah Modal Wajaran Risiko bermula Januari 2008

Risiko Kredit	i) Pendekatan *Standardised*
Risiko Pasaran	i) Pendekatan *Standardised* ii) Pendekatan Model Dalaman
Risiko Operasi	i) Pendekatan Penunjuk Asas ii) Pendekatan *Standardised* iii) Pendekatan Alternatif *Standardised*

Pada bulan Ogos 2008, Bank mengeluarkan satu kertas konsep mengenai komponen pensekuritian dalam rangka kerja Basel II berdasarkan Pendekatan *Standardised*, bagi mendapatkan maklum balas industri. Kertas konsep ini dirumuskan berlandaskan garis panduan sedia ada yang diterbitkan pada tahun 2003, yang menggariskan tahap pengurusan risiko yang diharapkan dan pengolahan pengawalseliaan bagi penglibatan institusi perbankan dalam aktiviti pensekuritian bersandarkan aset. Keperluan modal minimum yang lebih sensitif kepada risiko bagi dedahan kepada pensekuritian, termasuk dedahan luar kunci kira-kira kepada syarikat tujuan khas (special purpose vehicle, SPV) telah dicadangkan, dengan mengambil kira penarafan, tempoh matang dan keutamaan dedahan tersebut. Di samping itu, rangka kerja ini turut menghendaki keperluan penzahiran yang lebih ketat untuk struktur yang menyediakan rekursa tersirat oleh pelabur kepada institusi perbankan asal bagi dedahan yang dipegang, sekali gus mempertingkatkan keupayaan pasaran untuk menilai potensi dedahan risiko institusi perbankan. Bank kini dalam proses meneliti maklum balas yang diterima daripada industri berhubung kertas konsep tersebut sebelum memuktamadkan rangka kerja berkenaan menjelang pelaksanaannya pada tahun 2009. Berdasarkan maklum balas yang diterima, penghalusan rangka kerja selanjutnya akan mempertimbangkan panduan

tambahan bagi memudahkan penilaian sama ada pemindahan risiko secara berkesan telah berlaku dalam sesuatu transaksi pensekuritian bagi tujuan memberikan pelepasan modal pengawalseliaan. Seperti terbukti oleh krisis, langkah ini penting untuk menghindarkan aktiviti arbitraj dan memastikan modal yang cukup dipegang untuk dedahan pensekuritian.

Dengan sebahagian besar daripada usaha terhadap Pendekatan *Standardised* disempurnakan, usaha kini digembleng ke arah persediaan bagi pelaksanaan pendekatan IRB bagi risiko kredit dari tahun 2010, mengikut jangka masa yang diumumkan oleh Bank. Pada bulan Julai 2008, Bank mengeluarkan butir-butir mengenai Pendekatan IRB di bawah rangka kerja modal semakan, dengan sebahagian besarnya berdasarkan dokumen yang dikeluarkan oleh Basel Committee, dengan panduan tambahan yang menggariskan kehendak penyeliaan berhubung peranan pemantauan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan, pengesahan model dalaman dan metodologi ujian penggunaan (use test methodologies). Kehendak ke atas pengarah menekankan keperluan kritikal bagi lembaga pengarah dilengkapi dengan kecekapan yang diperlukan, atau diberikan sokongan secukupnya, agar dapat melaksanakan tanggungjawab pemantauan secara berkesan.

Pilihan untuk menerima pakai Pendekatan IRB turut diberikan kepada bank-bank Islam, sekali gus membolehkan bank-bank yang merupakan sebahagian daripada kumpulan perbankan yang menggunakan Pendekatan IRB memanfaatkan infrastruktur dan dasar kumpulan untuk menentukan modal pengawalseliaan. Meskipun Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) belum mengeluarkan peraturan khusus mengenai Pendekatan IRB, ia telah memberikan kuasa budi bicara kepada agensi penyeliaan untuk melaksanakan Pendekatan IRB bagi bank-bank Islam mengikut bidang kuasa masing-masing. Prinsip dan metodologi sama yang menjadi asas Pendekatan IRB untuk bank-bank konvensional akan diterima pakai oleh bank-bank Islam di Malaysia. Meskipun pelaksanaan Pendekatan IRB oleh bank-bank Islam dipacu oleh kumpulan, Bank menghendaki bank-bank Islam melaksanakan pengaturan pemantauan yang berkesan di peringkat entiti bagi menyokong migrasi kepada Basel II dengan jayanya.

Perbincangan yang dijalankan dengan institusi perbankan sepanjang tahun 2008 berusaha untuk mengenal pasti dan menangani cabaran pelaksanaan berkaitan dengan penggunaan Pendekatan IRB, yang seterusnya memberikan kesan ke atas tahap kecukupan modal institusi perbankan. Misalnya, pendekatan berbeza telah diambil oleh bank-bank IRB untuk mentakrifkan keadaan kegawatan ekonomi bagi tujuan menganggarkan kerugian akibat mungkir (loss given default, LGD) serta melaraskan anggaran kemungkinan berlakunya mungkir (probability of default, PD) bagi sektor runcit untuk mengambil kira kesan penuaan (seasoning). Potensi perbezaan dalam pentafsiran antara Bank dan sesebuah institusi itu mempunyai implikasi ketara bagi pelan pembentukan model, kesahihan dan pelaksanaan sesebuah institusi. Oleh itu, Bank akan meneruskan perbincangan rapi dengan bank-bank IRB sepanjang tahun 2009 untuk memudahkan kelancaran pelaksanaan rangka kerja IRB, dan pada masa yang sama, memastikan bank-bank menerima pakai pendekatan yang cukup kukuh dalam menentukan parameter risiko masing-masing.

Penilaian penyeliaan bertujuan memastikan bahawa tahap modal pengawalseliaan yang dikekalkan oleh institusi perbankan berasaskan model dalaman hendaklah disokong dengan padunya oleh anggaran dedahan risiko institusi yang munasabah, serta dasar dan proses yang komprehensif untuk memastikan keteguhan model tersebut

Penilaian penyeliaan model IRB institusi perbankan adalah merupakan satu proses yang berterusan dan telah diperhebatkan selaras dengan usaha institusi perbankan mengkaji semula model penarafan sedia ada dan mula menggunakan model penarafan baharu.

Penilaian penyeliaan bertujuan memastikan bahawa tahap modal pengawalseliaan yang dikekalkan oleh institusi perbankan berasaskan model dalaman, disokong dengan padunya oleh anggaran dedahan risiko institusi yang munasabah, serta dasar dan proses yang komprehensif untuk memastikan keteguhan model tersebut. Sebagai sebahagian daripada proses peralihan kepada Pendekatan IRB, bank-bank dikehendaki memulakan pelaporan tentang tahap kecukupan modal masing-masing di bawah Pendekatan IRB secara selari pada separuh tahun kedua 2009. Tempoh peralihan ini akan memberikan peluang selanjutnya kepada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia untuk menguji keteguhan model dalaman.

Pada tahun 2008, Bank turut menerbitkan garis panduan berkenaan proses penilaian penyeliaan (Tunggak 2) dan penzahiran kecukupan modal (Tunggak 3) yang merupakan komponen penting rangka kerja kecukupan modal semakan, untuk mendapatkan maklum balas industri. Tunggak 2 membincangkan risiko yang tidak ditangani sepenuhnya di bawah Tunggak 1 (misalnya risiko kadar faedah dalam buku perbankan, risiko penumpuan dan sisa risiko). Intipati utama Tunggak 2 ialah keperluan bagi institusi perbankan untuk melaksanakan proses penilaian kecukupan modal dalaman yang rapi dan berkesan setara dengan skala, sifat dan tahap kerumitan operasi masing-masing. Ini diperkukuh oleh Tunggak 3 yang bertujuan menggalakkan disiplin pasaran yang lebih berkesan melalui penzahiran yang dipertingkatkan tentang tahap kecukupan modal bank-bank berbanding risiko yang diambil. Garis panduan ini dijangka dimuktamadkan pada tahun 2009.

Aliran kerja baharu berkaitan modal juga dijangka wujud berikutan pengumuman yang dibuat oleh Basel Committee baru-baru ini untuk memperkukuh lagi aspek-aspek tertentu Rangka Kerja Basel II sebagai respons terhadap krisis. Ini termasuk memperketatkan pengolahan modal bagi aktiviti pensekuritian, kajian semula penggunaan penarafan dalam menentukan caj modal, panduan lanjut tentang Tunggak 2 dan peningkatan penzahiran di bawah Tunggak 3. Isu-isu yang dipertimbangkan telah dicerminkan mengikut tahap yang berbeza-beza dalam pembangunan rangka kerja modal semakan bagi institusi perbankan di Malaysia. Misalnya, kehendak yang ketat berhubung dengan keperluan kendalian yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan penjimatan modal daripada transaksi pensekuritian telah pun diserapkan ke dalam rangka kerja pensekuritian. Agensi penarafan juga tertakluk kepada proses pengiktirafan formal yang memerlukan agensi tersebut membuktikan kepatuhan kepada piawaian yang ketat dalam pendekatan penarafan masing-masing sebelum penarafan tersebut boleh digunakan bagi menentukan modal pengawalseliaan. Bank akan terus memantau rapi perkembangan antarabangsa dengan tujuan mengukuhkan lagi rangka kerja domestik selepas mempertimbangkan implikasi sebarang perubahan yang dicadangkan dalam konteks persekitaran domestik.

Pelaksanaan Rangka Kerja RBC bagi penanggung insurans pada 1 Januari 2009 melengkapkan komponen penting matlamat keseluruhan ke arah memastikan asas modal yang kukuh bagi sektor kewangan. Rangka Kerja RBC yang menggantikan rejim Margin Kesolvenan (Margin of Solvency, MOS) sebelum itu, memperuntukkan penilaian modal yang lebih sejajar dengan profil risiko khusus sesebuah penanggung insurans, dan mencerminkan penilaian yang konsisten dengan pasaran. Setelah pelaksanaan secara selari selama hampir dua tahun dilaksanakan dengan Rangka Kerja ini diperhalusi beberapa kali bagi meningkatkan keutuhannya, pindaan perundangan telah diluluskan untuk menguatkuasakannya. Pemerhatian awal tentang kesan pelaksanaan Rangka Kerja RBC dibentangkan dalam rencana khas,``Pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans´´. Sejak pelaksanaan Rangka Kerja ini, pelarasan lanjut adalah perlu bagi menangani kesan kadar faedah pasaran yang digunakan dalam piawaian penilaian, yang kini ternyata bergerak di luar paras kebiasaan. Bank akan terus memantau rapi keadaan pasaran dengan teliti dalam persekitaran semasa untuk memastikan parameter Rangka Kerja ini terus bersesuaian dan relevan sepanjang masa. Pada tahun 2008 juga, usaha awal telah diambil untuk menghasilkan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi pengendali takaful. Bank menjangka usaha ini akan mencapai fasa mendapat maklum balas industri pada tahun 2009, dan akan memberi tumpuan pada pilihan dan dasar keperluan Syariah untuk mereka bentuk model modal berasaskan risiko bagi pengendali takaful.

Pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans (Risk-Based Capital Framework for Insurers, RBC) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009 setelah hampir dua tahun pelaksanaan selari dengan rejim kesolvenan dahulu sejak bulan April 2007. Rangka kerja ini bertujuan menjajarkan keperluan kecukupan modal dengan dedahan risiko utama setiap penanggung insurans dengan lebih baik, meningkatkan ketelusan penampan kehematan, dan memberi penanggung insurans lebih fleksibiliti untuk beroperasi pada tahap risiko yang berbeza sejajar dengan infrastruktur dan amalan pengurusan risiko. Turut diperkenalkan bersama-sama RBC ialah satu set peraturan penilaian bagi memastikan aset dan liabiliti dinilai secara realistik dan konsisten dengan pasaran.

RBC mendukung matlamat utama untuk memastikan penampan kehematan mencerminkan profil risiko utama setiap penanggung insurans. Bagi mencapai matlamat ini, RBC memerlukan cara pengiraan yang lebih nyata bagi pelbagai risiko yang terdapat dalam perniagaan insurans. Langkah ini melengkapi penanggung insurans dengan alat tambahan bagi menguruskan perniagaan dengan lebih berkesan dengan mengenal pasti sumber risiko dan melaksanakan langkah yang sesuai untuk mengurangkan, menguruskan atau menghapuskan risiko. Dalam jangka masa panjang, apabila penanggung insurans telah lebih memahami hubungan antara risiko dengan modal dan mempunyai strategi perniagaan yang tertumpu pada amalan pengurusan risiko yang mantap, mereka boleh mencapai tahap keberuntungan yang mampan di samping melindungi kepentingan pemegang polisi.

Mengikut RBC, keperluan kecukupan modal lebih bersifat terperinci dan sensitif terhadap risiko berbanding dengan rejim kesolvenan dahulu yang tidak membezakan antara sifat dan sumber risiko. Sebagai contoh, penanggung insurans dengan aset portfolio yang tertumpu pada aset berisiko tinggi atau aset yang tidak dipadankan secukupnya dengan liabiliti yang bersamaan, dikehendaki mempunyai modal yang lebih banyak di bawah RBC berbanding dengan rejim kesolvenan dahulu. Penanggung insurans yang menaja jamin jenis-jenis insurans yang mudah turun naik atau yang tertumpu pada satu jenis insurans sahaja dikehendaki mempunyai lebih banyak modal berbanding dengan penanggung insurans yang mempunyai portfolio yang pelbagai, yang mengandungi kelas perniagaan insurans yang secara relatif stabil. Dengan ini, langkah kesolvenan baharu ini mencerminkan kekukuhan kewangan yang lebih baik dan telah menghasilkan pembezaan yang lebih jelas antara penanggung insurans yang mempunyai profil risiko yang berlainan. Keperluan kecukupan modal baharu ini juga berdasarkan kepada caj modal yang nyata bagi risiko-risiko pasaran, kredit, insurans dan operasi. Langkah ini lantas telah menambah baik ketelusan dan meningkatkan keupayaan penanggung insurans untuk mengenal pasti, mengukur dan menguruskan risiko yang ada dalam perniagaan insurans. Ini akan membolehkan penanggung insurans mengambil tindakan yang lebih awal terhadap risiko yang baru muncul.

Dengan pengenalan RBC, penanggung insurans dengan sumber modal yang berpadanan dengan profil risiko mereka akan mempunyai Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratios, CAR) yang lebih tinggi. Ini membolehkan sebarang modal `lebihan´ digunakan secara lebih berkesan bagi aktiviti yang menjana hasil. Sebilangan penanggung insurans yang tidak mempunyai modal yang mencukupi dan menunjukkan CAR yang rendah di bawah RBC telah mengambil langkah-langkah pemulihan dan sedang dalam proses mengurangkan tahap keseluruhan pendedahan risiko ataupun menyuntik modal tambahan. Sepanjang pelaksanaan selari, Bank menghendaki penanggung insurans mengemukakan rancangan pengurusan modal dengan tahap pencapaian khusus bagi strategi dan rancangan tindakan untuk memperbaik kedudukan modal masing-masing. Tahap pencapaian dan rancangan tindakan ini dipantau dengan rapi bagi memastikan peralihan yang lancar kepada rejim RBC.

Rajah 1
Kedudukan Kecukupan Modal Penanggung-penanggung Insurans pada Disember 2008



Rajah 1 menunjukkan kedudukan kesolvenan semasa peserta industri dengan membandingkan modal tersedia dengan modal yang diperlukan (bagi semua kumpulan wang insurans) bagi penanggung insurans am, hayat, komposit dan juga insurans semula, dengan saiz bulatan menandakan saiz relatif jumlah aset mengikut setiap peserta. Penanggung insurans hayat dan komposit biasanya dikehendaki mempunyai keperluan modal yang lebih tinggi disebabkan saiz yang lebih besar, rangkaian produk yang lebih luas, termasuk produk yang kompleks, dan mempunyai dedahan kepada risiko pasaran yang lebih tinggi.

Bagi mencapai kesemua matlamatnya, RBC disokong oleh satu set peraturan penilaian yang baharu. Di bawah peraturan ini, liabiliti insurans dan aset berkaitan dinilai secara realistik dengan menggunakan nilai pasaran atau proksi nilai pasaran yang mencerminkan keadaan semasa dalam persekitaran perniagaan dan ekonomi.

Peraturan penilaian lama bagi liabiliti insurans mengandungi margin kehematan yang tersirat yang kini digantikan dengan margin nyata bagi sisihan buruk (adverse deviations), berdasarkan pengalaman sebenar setiap penanggung insurans. Sebagai contoh, penanggung insurans am kini dikehendaki memastikan supaya rizab yang ada mencukupi untuk memenuhi tuntutan yang dijangka berdasarkan turun naik sebenar corak tuntutan yang dilihat dalam setiap portfolio. Penanggung insurans hayat juga perlu mempunyai rizab berdasarkan pengalaman sebenar mortaliti, morbiditi, perbelanjaan dan pengekalan polisi dan bukan lagi menggunakan jadual mortaliti yang standard dengan margin tetap bagi kehematan. Di samping itu, penanggung insurans yang menaja jamin produk inovatif dengan jaminan kewangan hendaklah mempunyai rizab tambahan untuk memastikan jaminan tersebut boleh dipenuhi meskipun dalam keadaan pasaran yang buruk.

Dari segi aset, peraturan penilaian berdasarkan nilai pasaran yang diperkenalkan telah menghasilkan kunci kira-kira yang lebih realistik selaras dengan keperluan standard perakaunan yang relevan. Berikutan itu, banyak penanggung insurans telah mengambil langkah-langkah perlu untuk mengoptimumkan portfolio aset mengikut kesanggupan mengambil risiko dan pulangan yang dijangka, manakala penanggung insurans yang lain pula merancang untuk membuat peralihan

taktikal yang serupa pada tahap pasaran yang sesuai. Strategi pelaburan penanggung insurans sedang diimbangkan semula sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran semasa dan juga bagi memperbaik tahap padanan aset dengan liabiliti. Perubahan portfolio yang dibuat semasa tempoh pelaksanaan selari telah berjaya meningkatkan tahap aset berkualiti, dan ini telah membantu penanggung insurans menghadapi keadaan ketidakpastian yang berlarutan dalam pasaran modal.

RBC turut merupakan suatu alat kuantitatif tambahan kepada pihak pengurusan penanggung insurans untuk menganalisis dan memantau risiko yang sedia ada dalam aktiviti perniagaan insurans. Peralihan tumpuan kepada risiko dan hubung kaitnya dengan keperluan modal telah menambah kesedaran tentang risiko secara keseluruhan serta meningkatkan mutu operasi pengurusan risiko dan tadbir urus korporat. Bagi memperbaik profil risiko masing-masing, banyak penanggung insurans telah menambah baik operasi mereka termasuk meningkatkan kualiti pemilihan risiko dan penaja jaminan serta mengurangkan turun naik jumlah kerugian yang ditanggung melalui pengurusan tuntutan yang lebih baik. Penanggung insurans hayat turut memberi penekanan yang lebih besar terhadap reka bentuk produk dan penentuan harga, khususnya bagi meningkatkan kecekapan modal rangkaian produk mereka.

Hasil kajian terhadap penanggung insurans menunjukkan perubahan positif dalam tahap dan skop pengawasan dan perbincangan oleh Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga hasil daripada maklumat tambahan yang diperoleh daripada RBC. Kajian yang sama juga menunjukkan banyak penanggung insurans kini mencari alternatif lain bagi memperlengkap alat-alat yang sedang digunakan untuk mengurangkan risiko atau untuk menambah sumber modal yang tersedia. Ini termasuk insurans semula bagi memindahkan risiko insurans berlebihan, derivatif untuk melindung nilai risiko berkaitan aset atau menggunakan instrumen modal hibrid.

RBC turut menghasilkan satu lagi perkembangan positif dalam industri insurans, iaitu peningkatan kepakaran teknikal penanggung insurans. Dengan bertambah khusus dan rumitnya kaedah pengiraan RBC, permintaan terhadap kepakaran teknikal turut meningkat, terutamanya dalam bidang penilaian realistik aset dan liabiliti, ujian tekanan dan pengiraan pelbagai komponen dalam RBC. Sebagai contoh, penanggung insurans tanpa kepakaran aktuari dalaman telah mengambil perunding luar untuk membantu dalam aspek keperluan teknikal RBC. Langkah ini dijangka meningkatkan keupayaan teknikal penanggung insurans melalui pengetahuan yang diperoleh. Selain itu, penanggung insurans yang kian mahir dalam membentuk model kewangan telah dapat melaksanakan pengurusan risiko yang lebih berkesan, lantaran kebolehan menjangka dengan lebih tepat risiko yang baru muncul dan keupayaan mengambil tindakan awalan. Hasil daripada keperluan RBC, yang turut disusuli oleh peningkatan interaksi dengan pakar teknikal, penanggung insurans kini menyedari perlunya untuk membina kepakaran sedemikian atau mendapatkan sokongan yang perlu daripada sumber kumpulan atau perunding luar.

Pelaksanaan RBC dijangka memperkukuh tahap daya tahan keseluruhan penanggung insurans Malaysia kerana peserta industri terus mengoptimumkan profil risiko dan kedudukan modal masing-masing dalam tempoh terdekat ini. Peningkatan dalam kualiti dan maklumat pelaporan statutori yang lebih terperinci seperti dikehendaki oleh RBC turut meningkatkan keupayaan penyeliaan Bank Negara Malaysia dengan adanya alat tambahan untuk mengenal pasti bidang yang bermasalah dengan lebih awal. Kegawatan pasaran semasa turut menyerlahkan keperluan terhadap rangka kerja berhemat yang teguh, yang menyokong keperluan kecukupan modal, kedudukan kecairan dan amalan pengurusan risiko yang kukuh oleh penanggung insurans semasa berhadapan dengan tekanan, sambil mengurangkan kesan prokitaran pengawalan sepanjang kitaran ekonomi. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan terus mengkaji dan menyusun semula metodologi dan parameter dalam RBC untuk memastikan ia terus relevan dan sesuai pada bila-bila masa.

Tadbir urus korporat

Selaras dengan kepercayaan teguh Bank bahawa pendidikan berterusan merupakan strategi utama untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat, Program Pendidikan untuk Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education Programme, FIDE) telah dilancarkan pada bulan November 2008. Dengan matlamat untuk menyokong pembangunan lembaga pengarah institusi kewangan yang benar-benar berkesan, FIDE merupakan hasil kerjasama sepanjang tempoh dua tahun antara Bank, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF). Program yang dihasilkan menawarkan satu platform yang unik bagi menangani cabaran dan isu khusus yang dihadapi oleh lembaga pengarah institusi kewangan. Dengan memanfaatkan pengalaman daripada pemerhatian penyeliaan Bank dan maklum balas yang diperoleh secara langsung daripada para pengarah berhubung fungsi lembaga pengarah institusi kewangan, matlamat FIDE adalah untuk menghasilkan penyelesaian yang akan: (i) memperkukuh kemahiran dan pengetahuan pengarah untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan; (ii) menggalakkan kecemerlangan dalam prestasi pengarah; (iii) melengkapi pengarah dengan kefahaman yang mendalam tentang isu dan perkembangan semasa dalam industri kewangan; (iv) mewujudkan persekitaran yang membolehkan pengarah saling belajar daripada pengalaman masing-masing; dan (v) mewujudkan sekumpulan besar pengarah bebas yang berkelayakan untuk menduduki lembaga pengarah institusi kewangan. Dengan bertambahnya bilangan kegagalan bank dan korporat di peringkat global baru-baru ini akibat kurang pengawasan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan, maka jelas bahawa matlamat ini sangat relevan dalam konteks ini.

Matlamat FIDE disalurkan melalui tiga saluran yang saling melengkapi, iaitu program pendidikan yang bersifat tunjuk ajar dan interaktif, rangkaian perkongsian maklumat, dan beberapa siri ceramah dan sesi penyampaian tentang perkembangan dan isu-isu semasa berkenaan tadbir urus oleh pakar terkemuka dalam bidang masing-masing. Secara kolektif, saluran ini menyokong persekitaran pembelajaran yang berterusan dan para pengarah dapat menerima maklumat terkini secara tetap selain mengakses maklumat daripada pelbagai sumber tentang perkembangan amalan tadbir urus dan isu-isu semasa dalam tadbir urus. Sebanyak 180 orang pengarah institusi kewangan bakal menjalani latihan FIDE pada tahun 2009. Dalam tempoh singkat sahaja sejak dilancarkan, FIDE telah berjaya menjemput beberapa penceramah terkemuka di peringkat antarabangsa secara berasingan untuk menyampaikan ceramah kepada pengarah institusi kewangan, dan beberapa orang lagi bakal dijemput pada tahun ini. Maklumat lanjut tentang FIDE boleh dilayari di laman webnya di www.fide.org.my.

FIDE menawarkan platform yang unik bagi menangani cabaran dan isu khusus yang dihadapi oleh lembaga pengarah institusi kewangan

Bank juga memuktamadkan piawaian semakan mengenai keperluan layak dan sesuai (fit and proper) bagi lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan. Keperluan yang dikaji semula ini akan memperjelaskan harapan Bank berhubung dengan tanggungjawab sesebuah institusi untuk melaksanakan proses dalaman yang berterusan untuk menilai dan mengesahkan kesesuaian individu yang diamanahkan dengan peranan penting dalam organisasi. Keperluan ini juga menghuraikan dengan lebih lanjut tentang kriteria layak dan sesuai yang perlu dipenuhi oleh individu berkenaan.

Pengurusan risiko

Berasaskan pelbagai garis panduan yang berkaitan dengan pengurusan risiko yang dilaksanakan untuk institusi perbankan dan penanggung insurans, Bank telah memulakan usaha menyatukan dan merasionalkan piawaian sedia ada bagi mewujudkan satu rangka kerja bersepadu yang akan: (i) memastikan harapan dan pengolahan yang konsisten terhadap risiko yang serupa merentas aktiviti perniagaan dan sektor kewangan; (ii) mempertingkatkan kejelasan dan struktur logik rangka kerja pengawalseliaan; dan (iii) menggalakkan lebih pertumpuan dan pengukuhan secara bersepadu antara rangka kerja pengawalseliaan dan penilaian penyeliaan. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, Bank

akan membuat semakan secara menyeluruh dan mempertingkatkan garis panduan kehematan sedia ada serta kehendak penyeliaan berkaitan dengan fungsi kawalan penting yang seharusnya wujud dan beroperasi dengan berkesan dalam institusi kewangan agar aktiviti pengambilan risiko sesebuah institusi dapat diawasi dengan berkesan. Ini merangkumi fungsi-fungsi lembaga pengarah dan pengurusan kanan, pengurusan risiko, audit dalaman, pematuhan dan sistem pengurusan maklumat (management information system, MIS). Rangka kerja kehematan yang bakal terhasil akan membentuk garis panduan menyeluruh dan menjadi asas kepada penghasilan panduan yang lebih khusus tentang pengurusan risiko-risiko pasaran, kredit, mudah tunai, operasi dan insurans. Rangka kerja ini dirancang untuk mencerminkan dengan lebih konsisten pendekatan Bank terhadap penilaian penyeliaan profil risiko sesebuah institusi dan dengan itu, menyediakan rangka rujukan yang seragam bagi interaksi penyeliaan yang lebih membina dengan institusi individu mengenai isu risiko.

Pada tahun 2008, Bank telah meminta maklum balas daripada industri tentang piawaian berkaitan dengan fungsi pengurusan risiko dan mengeluarkan prinsip panduan mengenai rangka kerja pengurusan data dan MIS. Meskipun pelbagai amalan dan tahap kecanggihan diperhatikan dari segi pendekatan dalam menstrukturkan fungsi pengurusan risiko di kalangan institusi kewangan, maklum balas yang diterima terhadap piawaian yang dikeluarkan oleh Bank menunjukkan tumpuan yang lebih tajam di kalangan institusi kewangan terhadap penyusunan fungsi pengurusan risiko dan fokus yang lebih tinggi oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam mengawasi pengurusan risiko dalam institusi. Ini dibuktikan oleh pembentukan struktur tadbir urus yang lebih formal dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi terhadap aktiviti pengurusan risiko dalam institusi kewangan. Pada peringkat industri, persatuan bank-bank dan penanggung insurans mengambil peranan yang lebih aktif dalam menggalakkan amalan pengurusan risiko terbaik di kalangan ahli industri melalui dialog dan seminar yang dianjurkan tentang isu dan perkembangan risiko. Bagi tahun 2009, panduan lebih khusus yang memenuhi kehendak Bank berkaitan dengan pengurusan risiko kredit, pasaran, operasi dan insurans bakal dikeluarkan bagi mendapatkan maklum balas industri.

Tekanan mudah tunai yang kian meruncing yang dihadapi oleh institusi kewangan di peringkat antarabangsa pada akhir tahun 2008 telah menjuruskan tumpuan Bank sendiri ke arah usaha mempertingkatkan rangka kerja mudah tunai untuk institusi perbankan yang telah dirancang. Meskipun masalah mudah tunai bukan kebimbangan utama dan rangka kerja penilaian risiko mudah tunai yang mantap telah diwujudkan sejak tahun 1998, usaha yang lebih giat di peringkat antarabangsa untuk mewujudkan amalan pengurusan risiko mudah tunai yang teguh telah mempercepat langkah pihak Bank untuk turut memperbaik amalan pengurusan risiko mudah tunai dalam institusi perbankan. Penambahbaikan yang dicadangkan akan meningkatkan keperluan kepatuhan asas berhubung dengan ketakpadanan mudah tunai dan memperkenalkan panduan yang lebih terperinci tentang amalan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh dengan mengambil kira pengajaran daripada krisis ini. Tumpuan turut diberikan kepada usaha untuk menangani isu mudah tunai yang berbangkit daripada perubahan jangka masa panjang struktur sistem perbankan, termasuk peningkatan dalam kepentingan perbankan Islam dan kemunculan kumpulan kewangan yang menjadikan pengurusan risiko mudah tunai semakin rumit. Ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam rencana khas ``Pengawalseliaan Risiko Mudah Tunai dan Cabaran Pengurusannya´´.

Penambahbaikan yang dicadangkan akan meningkatkan keperluan kepatuhan asas berhubung dengan ketakpadanan mudah tunai dan memperkenalkan panduan yang lebih terperinci tentang amalan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh

Piawaian pelaporan kewangan

Pada bulan Ogos 2008, Malaysia mengumumkan pertumpuan dasar (convergence) ke arah IFRS menjelang tahun 2012. Dasar sedemikian adalah konsisten dengan kehendak Bank untuk

menambah baik ketelusan dan kebolehbandingan penyata kewangan yang akan meningkatkan lagi disiplin pasaran terhadap institusi kewangan. Dengan pelaksanaan Rangka Kerja RBC bagi penanggung insurans pada 1 Januari 2009, piawaian kehematan tentang penilaian telah diubah untuk menerima pakai elemen FRS 139: Pengiktirafan dan Penilaian Instrumen Kewangan (Recognition and Measurement of Financial Instruments) yang akan berkuat kuasa di Malaysia pada 1 Januari 2010. Oleh itu, penanggung insurans mengikut jejak bank-bank sebelum ini untuk menerima pakai sebahagian daripada keperluan FRS 139. Bank kini dalam proses memuktamadkan perubahan yang diperlukan yang belum dibuat kepada rangka kerja kehematan bagi institusi perbankan agar mencapai penjajaran penuh dengan FRS 139. Perubahan ini adalah berkaitan dengan piawaian bagi kerugian pinjaman dan penerapan pilihan nilai saksama (fair value), iaitu satu bidang di bawah peraturan kehematan sedia ada yang ditangguh sementara menunggu institusi perbankan membina keupayaan untuk memastikan integriti penyata kewangan.

Meskipun penggabungan antara pelaporan kewangan dan matlamat kehematan memang diinginkan, adalah diakui bahawa akan wujud beberapa percanggahan. Salah satu bidang yang banyak mendapat perhatian antarabangsa sepanjang krisis ini berkait dengan penggunaan dasar peruntukan kitaran timbal balas (counter-cyclical provisioning), yang disokong oleh pengawal selia atas sebab-sebab kehematan tetapi terbatas oleh piawaian pelaporan kewangan. Perubahan kepada penilaian saksama liabiliti lantaran kemerosotan kepercayaan kredit institusi itu sendiri turut menimbulkan bantahan di kalangan pengawal selia yang bimbang akan kesan penurunan nilai perakaunan liabiliti dan pengiktirafan keuntungan terhasil dalam penyata pendapatan institusi kewangan. Meskipun Bank secara amnya menyokong penggunaan nilai saksama dalam penyediaan maklumat kewangan yang berguna dalam membuat keputusan bagi pihak yang berkepentingan utama bagi institusi kewangan, kegawatan kewangan menekankan betapa pentingnya prasyarat yang perlu dipenuhi bagi penggunaan nilai saksama secara lebih meluas untuk mencapai matlamat ini. Prasyarat ini termasuk pembangunan dan kewujudan berterusan pasaran aktif bagi instrumen yang perlu dinilai mengikut pasaran (mark-to-market), wujudnya sistem dan prosedur teguh yang diamalkan oleh institusi kewangan untuk menyokong analisis yang mantap dan pertimbangan pakar oleh pihak pengurusan berhubung dengan nilai saksama. Khususnya, mengenai pinjaman yang nilainya terjejas (impairment of loans), Bank akan mengeluarkan satu set rangkaian keperluan penyeliaan yang menggariskan kemampuan utama yang harus dicapai oleh institusi perbankan sebelum menerima pakai FRS 139. Ini akan meningkatkan keberkesanan pengawasan proses penilaian risiko kredit, pengenalpastian kerugian pinjaman serta keperluan berhubung dengan metodologi peruntukan yang kukuh. Institusi perbankan perlu menjalankan penilaian dalaman dan membuktikan bahawa mereka telah memenuhi keperluan yang ditetapkan sebelum menerima pakai FRS 139.

Kegawatan kewangan menekankan betapa pentingnya prasyarat yang perlu dipenuhi bagi penggunaan nilai saksama secara lebih meluas

Dalam situasi apabila prasyarat bagi penerapan nilai saksama tidak dipatuhi sepenuhnya, Bank mengekalkan keupayaannya untuk menggunakan saringan kehematan (preskripsi pengawalseliaan yang tidak mengubah keputusan kewangan tahun semasa) untuk melindungi rizab dan memastikan institusi kewangan terus kukuh. Pada tahun 2008, Bank turut mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam kalangan komuniti pelaporan kewangan untuk menilai pelarasan yang sesuai terhadap rangka kerja pelaporan kewangan. Ini memberi fleksibiliti kepada Bank untuk meminda piawaian perakaunan yang diterima pakai oleh institusi kewangan, jika perlu, untuk memelihara keyakinan dan integriti sistem kewangan.

Sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran luar biasa yang dihadapi oleh institusi perbankan pada separuh tahun kedua 2008, Bank memberikan institusi perbankan fleksibiliti sementara untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan bukan derivatif keluar daripada kategori dipegang untuk perdagangan (held-for-trading) dari bulan Julai 2008 hingga akhir

tahun 2009. Tindakan ini adalah sejajar dengan perubahan serupa yang diumumkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board) dan bertujuan mengurangkan kesan pergerakan pasaran yang keterlaluan dan tidak mencerminkan nilai asas sebenar aset kewangan yang dipegang oleh institusi perbankan. Industri insurans turut diberi fleksibiliti yang serupa mulai 1 Januari 2009 hingga akhir tahun 2009.

Pada bulan Ogos 2008, perubahan juga dibuat terhadap keperluan kendalian yang diterima pakai untuk penyusunan dan penjadualan semula kemudahan kredit untuk memudahkan institusi perbankan menguruskan dan membantu secara proaktif peminjam yang mengalami masalah kewangan sementara. Secara khususnya, proses pengawalseliaan dan parameter bagi klasifikasi pinjaman yang dijadual dan disusun semula telah dipermudah untuk membolehkan institusi kewangan mentadbirnya dengan lebih berkesan. Fleksibiliti ini diikuti oleh keperluan yang lebih tinggi bagi lembaga pengarah menghasilkan dasar yang jelas dan komprehensif tentang klasifikasi dan peruntukan bagi pinjaman yang dijadual dan disusun semula, dan melaksanakan kawalan dalaman yang berkesan untuk mengelakkan pinjaman yang ``kekal baik´´ (ever-greening). Dasar dan kawalan ini disemak sebagai sebahagian daripada penilaian penyeliaan berterusan oleh Bank.

Kewangan Islam dan institusi kewangan pembangunan (IKP)

Pada tahun 2008, Bank menggiatkan lagi usaha untuk mewujudkan rangka kerja pengawalan yang kukuh dan menyokong aktiviti perniagaan mata wang antarabangsa oleh institusi yang diberikan lesen di bawah agenda Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) untuk menjalankan perniagaan perbankan dan takaful antarabangsa. Rangka kerja pengawalseliaan yang mengawal aktiviti ini secara amnya konsisten dengan prinsip utama rangka kerja kehematan yang diterima pakai bagi aktiviti perniagaan dalam negeri dan mewujudkan antara lain, piawaian kehematan dan harapan berhubung dengan kecukupan modal, pengurusan risiko, mudah tunai, had dedahan tunggal, tadbir urus, dan penawaran produk dan perkhidmatan baharu. Di samping itu, rangka kerja ini turut menjelaskan penggunaan rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko (risk-based supervisory framework, RBSF) terhadap institusi-institusi ini.

Usaha pengawalseliaan juga tertumpu ke arah memperkukuh daya tahan keinstitusian IKP agar dapat bertahan daripada kejutan dalam persekitaran yang kian mencabar ini dan untuk memastikan IKP terus mampan bagi mendukung peranan yang dimandatkan. Usaha ini menghasilkan penambahbaikan secara progresif dalam pengurusan dan pengawasan IKP, dan yang paling ketara ialah dalam bidang tadbir urus korporat. Lembaga pengarah IKP telah diperkukuh dengan ketara, iaitu komposisi ahli yang seimbang dengan set kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang perlu untuk menyokong pengawasan yang lebih berkesan, manakala perubahan pengurusan menyediakan kepimpinan yang lebih padu untuk memacu pelaksanaan strategi dan rangka kerja dasar yang jelas, yang menyokong peranan IKP yang dimandatkan.

Perkembangan pengawalseliaan yang penting pada tahun 2008 ialah pengenalan Rangka Kerja Modal untuk IKP pada bulan Februari 2008. Rangka kerja ini menyokong sifat khusus mandat dan operasi IKP sambil pada masa yang sama membenarkan fleksibiliti bagi IKP untuk memanfaatkan kedudukan modal masing-masing dengan cara yang berhemat. Ini diperkukuh oleh keperluan khusus agar IKP memindahkan peratusan tertentu daripada keuntungan bersihnya kepada dana rizab apabila nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) jatuh di bawah tahap ambang tertentu yang ditetapkan oleh Bank. Pada bulan Julai 2008, kelulusan diberikan kepada sebuah IKP untuk menyertai pasaran antara bank, selepas memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan oleh Bank. Ini akan mempertingkatkan lagi peranan IKP dalam ekonomi dengan meningkatkan kecekapan pengurusan mudah tunai dan keperluan pendanaan.

PENILAIAN PENYELIAAN

Aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2008 sebahagian besarnya dipengaruhi peristiwa berkaitan krisis kewangan di peringkat global. Memandangkan keadaan terus tidak menentu sepanjang tahun itu, sesi rundingan dengan pengurusan kanan dan lembaga pengarah institusi kewangan telah diadakan dengan lebih kerap

Jadual 3.2
Bidang Khusus Tumpuan Penyeliaan

1. Dedahan Kredit	i) Portfolio pemberian pinjaman utama bagi institusi kewangan seperti pinjaman runcit, PKS dan syarikat ii) Analisis mengikut sektor (misalnya, sektor harta kediaman, pembinaan, tenaga, dan pengangkutan) iii) Risiko terhadap pihak yang berkaitan dalam dedahan kepada pemberian pinjaman dan peminjaman antara bank dan dedahan insurans semula iv) Dedahan kepada peminjam dari negara-negara tertentu v) Peminjam dengan nilai pinjaman besar, peminjam dengan pinjaman yang disusun semula dan dijadualkan semula dan akaun senarai amatan vi) Pemantauan penunjuk pertumbuhan pinjaman dan akses kepada pembiayaan
2. Risiko Pasaran	i) Pemantauan turun naik pasaran ekuiti dengan ujian ketahanan dan analisis senario khusus untuk menilai kesannya dalam senario yang ekstrem ii) Pemantauan turun naik mata wang asing berbanding ringgit Malaysia dan kesannya terhadap keberuntungan institusi iii) Pemantauan turun naik pasaran dalam pasaran sekuriti hutang dan kesannya terhadap pemegangan sekuriti hutang institusi
3. Mudah Tunai	i) Pemantauan profil deposit borong dan aktiviti antara bank untuk menilai pergantungan terhadap pasaran antara bank, penumpuan deposit dan ketakpadanan mudah tunai ii) Dedahan mudah tunai luar jangka berkaitan dengan aktiviti luar kunci kira-kira iii) Pemantauan keperluan mudah tunai penanggung insurans berpunca daripada kemungkinan pertambahan serahan polisi
4. Kecukupan Modal	i) Kesan terhadap modal yang mungkin timbul berikutan dedahan kepada sektor ekonomi yang lemah, kemerosotan dalam kualiti aset portfolio, penurunan dalam perolehan dan kerugian daripada dedahan perdagangan atau yang perlu dinilai menurut pasaran (mark-to-market) ii) Kemampuan institusi untuk menebus instrumen yang matang dan menggantikan/ mendapatkan modal baharu dalam keadaan ekonomi semasa dan kos yang mungkin terlibat iii) Sokongan modal yang mungkin diperlukan daripada operasi di luar negara iv) Keteguhan nisbah kecukupan modal dalaman dan rancangan pengurusan modal penanggung insurans

bagi memantau dan menilai perkembangan yang menjejaskan sesebuah institusi dan keseluruhan industri secara amnya, dan juga untuk memaklumkan tentang kebimbangan yang dikesan menerusi penilaian penyeliaan dan aktiviti pengawasan makro oleh Bank. Komunikasi berterusan dengan ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai risiko dan ketua perbendaharaan institusi kewangan khususnya, telah dikekalkan untuk mendapatkan maklumat awal mengenai perkembangan pasaran dan bagaimana institusi mungkin terjejas.

Meskipun kesan langsung kegawatan kewangan global terhadap institusi kewangan domestik agak terbatas, Bank mengekalkan sikap lebih waspada terhadap kesan peringkat kedua yang makin ketara terhadap kedudukan institusi kewangan akibat krisis kewangan. Ini membantu tumpuan penilaian penyeliaan yang lebih jitu sepanjang tahun 2008 dalam bidang tertentu seperti disenaraikan dalam Jadual 3.2.

Secara keseluruhan, dedahan kepada risiko masih dapat dibendung dengan baik serta masih dalam kemampuan sistem kewangan untuk menyerap kemerosotan selanjutnya dalam keadaan ekonomi dan kewangan global. Namun, kesan buruk dan penularan krisis ini mendorong Bank untuk memberi tumpuan yang lebih besar kepada usaha mengenal pasti dengan pantas kebimbangan yang timbul dalam institusi kewangan. Perhatian yang lebih besar telah ditumpukan ke arah memantapkan keteguhan ujian ketahanan oleh institusi kewangan dengan merangkumi senario tekanan di bawah keadaan munasabah dan ekstrem. Ini diperlengkapkan oleh ujian ketahanan yang dilaksanakan secara berasingan oleh Bank untuk menilai kesan kejutan menentukur yang diaplikasikan secara umum kepada aktiviti perniagaan penting institusi kewangan, dan kejutan lebih khusus yang diaplikasikan kepada aktiviti perdagangan, aktiviti luar kunci kira-kira dan kedudukan mudah tunai. Kelemahan yang dikenal pasti dibincangkan dengan institusi terjejas

dan tindakan khusus telah diambil, terutamanya dengan menambah baik amalan pengurusan risiko dalaman demi memperkukuhkan daya tahan institusi tersebut. Keputusan terperinci penilaian penyeliaan dibincangkan dalam bab ``Penilaian Risiko Sistem Kewangan´´.

Secara keseluruhan, dedahan kepada risiko masih dapat dibendung dengan baik serta masih dalam kemampuan sistem kewangan untuk menyerap kemerosotan selanjutnya dalam keadaan ekonomi dan kewangan global

Melalui aktiviti penyeliaannya, Bank mendapati bahawa institusi kewangan berlesen secara amnya telah memperkukuh sistem pengurusan risiko masing-masing. Secara lebih khusus, lembaga pengarah dan pengurusan kanan dilihat lebih peka terhadap punca risiko utama yang menjejaskan profil risiko institusi mereka, dan ini sekaligus menyokong budaya risiko yang bersandarkan maklumat yang mencukupi dan lebih proaktif, di samping amalan pengurusan risiko pada peringkat keinstitusian yang lebih berkesan. Ini telah membawa kepada peningkatan ketara dalam kemampuan pengurusan risiko institusi kewangan sejak kebelakangan ini melalui: (i) pertambahan pelaburan dalam alat-alat penilaian kredit dan pengurusan portfolio yang lebih canggih; (ii) keupayaan pemantauan yang lebih cekap untuk menyokong pendekatan lebih proaktif terhadap pengurusan pinjaman bermasalah; (iii) penambahbaikan dalam proses dan struktur pengurusan risiko bagi risiko pasaran dan mudah tunai, dan penilaian dan kawalan risiko secara lebih terperinci melalui fungsi pengurusan risiko yang bebas; dan (iv) pengurusan modal yang lebih proaktif oleh institusi kewangan dalam mewujudkan dan mengekalkan tahap modal dalaman yang jauh melebihi tahap minimum pengawalseliaan, dan dalam menghasilkan struktur modal yang lebih cekap. Penambahbaikan ketara yang diperhatikan dalam aliran dan kandungan maklumat telah memainkan peranan penting dalam mendorong proses ini.

Amalan pengurusan risiko operasi turut mengalami penambahbaikan yang nyata. Antara perubahan yang menerima perhatian ialah peralihan ketara daripada pengurusan risiko operasi yang memberi tumpuan berasingan pada penipuan, pemprosesan data dan keselamatan IT, ke arah strategi pengurusan risiko operasi yang semakin berintegrasi dengan sistem dan proses pengurusan risiko peringkat firma. Lebih banyak institusi turut bertindak untuk membentuk struktur tadbir urus dan pelaporan yang lebih formal bagi fungsi pengurusan risiko operasi, dan menambah pelaburan berkaitan untuk mengembangkan kepakaran yang perlu bagi menyokong fungsi ini. Langkah ini mencerminkan pemahaman yang lebih mendalam di pihak lembaga pengarah dan pengurusan kanan tentang pentingnya risiko operasi, yang sehingga kini secara amnya, telah diabaikan di kalangan institusi berbanding risiko lain. Tumpuan lebih besar terhadap risiko operasi ini telah diperkukuh lagi melalui penubuhan fungsi Pakar Risiko Teknologi untuk memperlengkapkan fungsi Pakar Risiko Operasi dalam Bank bagi menyokong penilaian penyeliaan risiko operasi secara lebih terperinci dan bersepadu.

Pelaksanaan Sistem Premium Pembezaan (Differential Premium System, DPS) oleh PIDM berkuat kuasa pada bulan Mei 2008 memperkukuh lagi insentif untuk menerima pakai amalan pengurusan risiko yang mantap oleh institusi perbankan yang merupakan ahli sistem insurans deposit tersebut. Di bawah DPS, kadar premium yang dibayar oleh institusi peserta ditentukan berpandukan penilaian profil risiko institusi tersebut berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan, termasuk wajaran besar yang diberikan kepada penilaian penyeliaan oleh Bank terhadap institusi perbankan tersebut. Operasi DPS turut menggalakkan pertukaran maklumat yang lebih giat antara PIDM dan Bank mengenai persekitaran kewangan dan perkembangan institusi, lantas memantapkan aktiviti pengawasan berterusan yang dijalankan oleh kedua-dua agensi. Perkembangan ini meletakkan institusi kewangan Malaysia pada kedudukan yang baik untuk menghadapi persekitaran yang dijangka kekal mencabar pada tahun 2009.

Kegawatan kewangan global menunjukkan betapa pentingnya kerjasama dan penyelarasan penyeliaan yang berkesan dalam menghindarkan ancaman kepada kestabilan kewangan. Bank

menyokong agenda ini sejak dahulu lagi, dan telah menubuhkan dan terus menambahbaik rangka kerja kerjasama di dalam negeri melibatkan PIDM dan Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission), dan memainkan peranan aktif dalam menerajui pengaturan kerjasama serantau melalui Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan dalam Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) dan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks, SEACEN). Pada tahun 2008, usaha kerjasama merentas sempadan turut digembleng di peringkat serantau antara pihak berkuasa secara dua hala untuk menyokong penyeliaan bersepadu yang berkesan terhadap bank yang aktif di rantau ini.

KEUTAMAAN DALAM MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi menyokong keberkesanan Bank melaksanakan mandatnya secara berterusan untuk memelihara kestabilan kewangan dalam konteks landskap ekonomi dan kewangan yang kian berubah, peruntukan bagi kestabilan kewangan yang diperluas telah dimasukkan ke dalam Akta Bank Negara Malaysia yang dicadangkan. Skala dan tahap tindakan yang diambil di peringkat global untuk membendung krisis kewangan menunjukkan betapa pentingnya untuk menyatakan dengan jelas, mandat untuk kestabilan kewangan dan rangka kerja undang-undang untuk mencegah, mengurus dan menyelesaikan krisis kewangan.

Memandangkan tekanan berterusan terhadap sistem kewangan global, dan jangkaan umum bahawa pertumbuhan global bakal mengalami kelembapan ketara, keutamaan pengawalan kehematan dan penyeliaan Bank kekal tertumpu pada empat bidang, iaitu: (i) memastikan proses pengantaraan kewangan berfungsi dengan berkesan, yang amat penting untuk menyokong pertumbuhan dalam tempoh yang mencabar ini; (ii) memastikan Bank dan institusi kewangan kekal responsif terhadap risiko melalui pengukuhan berterusan kepada rangka kerja kehematan dan perundangan serta penyeliaan yang dipertingkatkan; (iii) meningkatkan penggunaan instrumen pengawalseliaan di peringkat mikro dan makro untuk melindungi daripada keadaan lebihan kewangan yang tidak diingini dan pertambahan risiko sistemik; dan (iv) menghasilkan sistem dan pengaturan yang lebih teguh bagi mengesan dan menangani tekanan baharu yang mungkin timbul dalam sistem kewangan. Satu pelan yang komprehensif lagi bersepadu bagi tahun 2009 telah dihasilkan untuk menyokong bidang-bidang keutamaan ini.

Pada masa yang sama, keadaan sistem kewangan di Malaysia yang terus berkembang memerlukan perhatian yang sewajarnya dalam penghasilan rangka kerja pengawalseliaan yang mantap untuk menyokong pertumbuhan aktiviti dan produk kewangan baharu dengan teratur. Apabila momentum aktiviti ini bertambah giat, tumpuan kehematan dan perhatian penyeliaan terhadapnya harus dipertingkatkan dengan sewajarnya bagi memelihara keutuhan dan kestabilan sistem kewangan. Bank menjangka usaha dalam bidang ini sebahagian besarnya akan ditumpukan ke arah menangani risiko yang berkaitan dengan inovasi kewangan baharu, dan menyokong perkembangan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang kukuh dalam sektor kewangan secara berterusan.